



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

[Menu](#)[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Tender 16 Sekolah Daif Di Sarawak Ditangguh

[Khamis, Feb 20 2020](#)

PUTRAJAYA, 20 FEB -- Pelaksanaan tender di 16 sekolah daif di Sarawak ditangguhkan bagi membolehkan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Jabatan Kerja Raya Sarawak mengkaji semula skop dan kos pelaksanaan projek, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

"Dijangkakan pelaksanaan sekolah ini akan ditender pada bulan Mac 2020," katanya dalam kenyataan hari ini berhubung status projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak.

Enam belas sekolah berkenaan adalah antara 37 jumlah sekolah yang terlibat dalam projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak fasa 1, melibatkan peruntukan RM350 juta yang dibiayai menggunakan bayaran balik pinjaman kerajaan Sarawak kepada kerajaan Persekutuan.

Daripada 37 sekolah itu, 21 sekolah lagi telah ditender dengan enam projek telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST), manakala tender di 15 sekolah lagi akan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Perbendaharaan Malaysia Sarawak esok (21 Feb), katanya.

Lim berkata penangguhan tender di sekolah terbabit juga disebabkan cadangan untuk menutup dan menggabungkan beberapa sekolah rendah serta membuka satu sekolah baharu namun tidak dipersetujui oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya.

Cadangan penggabungan itu dikhuatiri akan membabitkan penutupan sekolah yang berada berhampiran dengan penempatan komuniti setempat kerana sekolah baharu berada di lokasi lebih jauh, dan ia mungkin menyebabkan keciciran pelajar disebabkan faktor jarak serta kos pengangkutan yang tinggi, katanya.

"Oleh yang demikian, cadangan penutupan sekolah ini tidak dipersetujui dan harus digunakan untuk memperbaiki sekolah sedia ada tanpa mengurangkan bilangan sekolah," katanya.

Bagi 2020, Lim berkata Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM400 juta untuk projek sekolah daif di Sarawak berbanding RM100 juta pada 2019.

Kerajaan telah menetapkan bahawa peruntukan tersebut hendaklah digunakan untuk membaik pulih sekolah daif termasuk membangun semula bilik darjah yang tidak dapat dibaiki, katanya.

"Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk menutup dan menggabungkan beberapa buah sekolah dengan tujuan semata-mata untuk membina sebuah sekolah baharu seperti yang dicadangkan Jabatan Pendidikan Negeri pada tahun lepas," kata Lim.


☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <

Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman <

Mikro

e-Penyertaan <

&

Maklumbalas



Statistik & <

Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data